

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

HGT 212 - Teknik-Teknik dalam Geografi II

Tarikh: 17 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Jawab TIGA(3) soalan.

**SOALAN NO. 1** MESTI dijawab dan DUA(2) soalan yang lain.

Soalan No. 1 akan membawa 40 markah dan soalan-soalan lain 30 markah setiap soalan.

1. (a) Apakah "remote sensing" dan unsur-unsur asas dalam satu sistem "remote sensing"?
- (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana data yang diperolehi dari sistem-sistem "remote sensing" boleh digunakan dalam beberapa bidang geografi.
- (c) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bandingkan kesesuaian tentang kaedah titik-titik dan kaedah lorekan untuk menunjukkan konsep kuantiti dalam taburan reruang.
  
2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan prinsip-prinsip pengenalan objek-objek dalam sesuatu foto udara dan teknik-teknik penafsiran foto udara itu dalam kajian pola gunatanah pertanian.
  
3. Dengan merujuk kepada fotogrammetri dan proses penafsiran foto udara dengan stereoskop cermin, tuliskan nota-nota mengenai dua(2) daripada yang berikut:
  - (a) garis penerbangan dan garis nadir; "endlap" dan "sidelap"
  - (b) paralaks
  - (c) cara-cara untuk menentukan saiz dan ketinggian bagi objek-objek dalam sesuatu foto udara
  - (d) tona dan tekstur

4. (a) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana pola dalam suatu peta lorekan akan dipengaruhi oleh bilangan kumpulan dan cara untuk menentukan jeda kelas dalam data-data yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- (b) Dengan merujuk kepada data-data yang berikut, bahagikan data-data ini kepada tujuh kumpulan dengan cara pembahagian semulajadi (natural divisions)

Jadual 4(b): Taburan nilai tanah (dlm. \$/meter<sup>2</sup>)

32, 33, 34, 39, 45, 47, 50, 53, 53, 58, 59,  
 61, 62, 63, 64, 64, 65, 65, 67, 69, 69, 70,  
 71, 75, 76, 79, 81, 86, 87, 87, 87, 88, 88,  
 88, 90, 95, 95, 99, 100, 102, 103, 105, 106, 106,  
 108, 113, 113, 113, 114, 115, 115, 117, 117, 117, 117,  
 119, 121, 122, 127, 127, 134, 140, 150, 151, 152, 155,  
 156, 159, 164, 171, 178, 188, 193, 195, 197, 198, 204,  
 217, 222, 232, 258, 269, 273, 274.

5. (a) Dengan merujuk kepada data-data yang berikut, tentukan pola gunatanah pertanian dalam sektor pekebun kecil di wilayah selatan, Malaysia, tahun 1969-72:

Peratusan keluasan yang ditanam dengan  
(Jenis tanaman)

<u>Daerah</u>	<u>A</u>	<u>B</u>	<u>C</u>	<u>D</u>	<u>E</u>	<u>F</u>
Batu Pahat	49	1	42		7	1
Johor Bahru	85	1	3		7	4
Keluang	70	3	1		25	1
Kota Tinggi	52	3	14		28	3
Mersing	29	16	45	1	8	1
Muar	77	6	12		5	
Pontian	58	2	13		24	3
Segamat	87	7	1	1	4	
Melaka Utara	83	12	2		3	
Melaka Tengah	67	22	9		2	
Melaka Selatan	80	5	13		2	
Jelebu	86	8	2		4	
Kuala Pilah	81	15	2		2	
Port Dickson	83	3	7		6	1
Rembau	79	16	1		4	
Seremban	87	8	1		4	
Tampin	88	7	1		4	

<u>Daerah</u>	<u>A</u>	<u>B</u>	<u>C</u>	<u>D</u>	<u>E</u>	<u>F</u>
Bentong	87	5	1	1	6	
Cameron Highlands			78	5	17	
Jerantut	72	21	1	1	5	
Kuantan	61	11	12		9	7
Lipis	74	15	2	1	5	3
Pekan	42	26	16		10	6
Raub	62	12	3	1	21	1
Temerloh	76	16	3		5	

Penunjuk:

- A - Getah
- B - Sawah padi
- C - Kelapa
- D - Sayur-sayuran
- E - Buah-buahan dan tanaman-tanaman makanan
- F - Rempah-rempah dan pelbagai tanaman

- (b) Bincangkan bagaimana teknik tersebut untuk menentukan pola gunatanah pertanian boleh digunakan dalam kajian-kajian yang lain. Berikan contoh-contoh tertentu.

-ooo000ooo-